



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	04 JANUARY 2017

Kenyataan Dr. Mahathir terus dipertikai

Tiada fatwa program khas haji haram

um-4/1/2017

Oleh FITRI AFFENDI MUSTAFA
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 3 JAN.

BEKAS Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad tidak wajar mempersoalkan Program Khas Haji Perdana Menteri-Yayasan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) kerana tiada bukti kukuh menunjukkan dana program tersebut adalah daripada sumber yang haram.

Pensyarah Haji dan Umrah, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), **Lukmanul Hakim Hanafi** berkata, tiada ulama atau fatwa di peringkat Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang pernah mengeluarkan kenyataan dana untuk program di bawah 1MDB diperolehi menerusi cara yang tidak betul.

Malah, beliau menegaskan, amalan haji mabrur hanya ditentukan menerusi niat seseorang serta akhlak yang ditonjolkan umat Islam selepas mereka pulang daripada menunaikan ibadah haji.

"Seperti dipetik dalam Kitab Fiqah *Bughyatul Mustasyidin*, haji mabrur adalah apabila seseorang yang menunaikan haji itu balik dari Mekah, mereka telah mengamalkan akhlak yang mulia serta tidak lagi melakukan perkara dosa atau bersikap tinggi diri.

"Justeru, dakwaan Dr. Mahathir berkenaan haji mabrur tersebut hanya akan menggores lagi hati umat Islam yang telah menunaikan ibadah tersebut, malah daripada sudut Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan sendiri, tidak ada pandangan ulama yang mengatakan duit 1MDB adalah haram," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini



LUKMANUL HAKIM



MUAMMAR GHADAFI



Justeru, dakwaan Dr. Mahathir berkenaan haji mabrur tersebut hanya akan menggores lagi hati umat Islam yang telah menunaikan ibadah tersebut, malah daripada sudut Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan sendiri, tidak ada pandangan ulama yang mengatakan duit 1MDB adalah haram,"

LUKMANUL HAKIM HANAFI
Pensyarah Haji dan Umrah, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia

hari ini.

Baru-baru ini, Dr. Mahathir yang juga Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) menyifatkan orang yang melaksanakan ibadah haji melalui program 1MDB tidak mendapat haji mabrur.

Dakwanya, haji yang tidak mabrur itu berpunca daripada duit penajaan program tersebut

kononnya haram kerana dicuri oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Mengulas lanjut, Lukmanul berkata, Program Khas Haji tersebut wajar diteruskan bagi memastikan dana kerajaan dapat disalurkan untuk program yang bermanfaat.

"Malah, program tersebut juga amat baik kerana ia tidak mengambil kuota yang ditetapkan kepada Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) serta memberi peluang lebih ramai umat Islam dapat menunaikan ibadah tersebut," tegasnya.

Sementara itu, Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), **Muammar Ghadafi Jamaluddin** yang pernah mengikuti program berkenaan berkata, Program Khas Haji Perdana Menteri-Yayasan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) tidak wajar dipersoalkan kerana program tersebut telah membantu ramai umat Islam yang tidak berkesempatan untuk menunaikan rukun Islam kelima itu.

"Saya berasa sedih apabila orang yang dipandang tinggi seperti Dr. Mahathir boleh membuat kenyataan seperti itu kerana ibadah haji sama ada mabrur atau tidak, itu adalah hak Allah yang menentukannya.

"Malah, semua pihak yang diberikan peluang telah meluahkan rasa gembira dan bersyukur dengan tajaan itu kerana kesempatan tersebut tidak mudah berlaku walaupun mereka mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk melakukannya," katanya.